



Pengurus projek bertindak sebagai ketua pasukan kajian yang bertanggungjawab di dalam menentukan dan menyelaraskan program bagi penyediaan Kajian Pelan Induk Landskap sepanjang kajian dilaksanakan. Bentuk, format dan metodologi kajian perlu dirancang dengan teliti pada awal kajian di samping mengadakan perbincangan dengan pihak Jabatan Landskap Negara agar pelaksanaan kajian lengkap, kemas dan menyeluruh.

Pengurus projek juga perlu bertanggungjawab terhadap penyediaan semua peringkat laporan terutama laporan yang perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Penyelaras untuk kelulusan. Semua mesyuarat dan perbincangan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Landskap Negara perlu dihadiri sendiri oleh Pengurus Projek yang dilantik dan dinamakan di dalam surat perjanjian. Pengurus projek yang gagal berbuat demikian boleh dibatalkan penglibatannya oleh pihak Jabatan Landskap Negara.

## 9.0 Pengurus Projek



## 10.0

# Jawatankuasa Kajian

Terdapat sebuah jawatankuasa yang akan dirujuk untuk mendapatkan perakuan dan kelulusan bagi setiap peringkat kajian. Jawatankuasa yang dimaksudkan ialah :

Jawatankuasa Penyelaras Teknikal (peringkat Pihak Berkuasa Tempatan)

Keahlian Jawatankuasa ini seperti berikut :

## 10.1

# Jawatankuasa Penyelaras Teknikal

Ahli Jawatankuasa Penyelaras Teknikal terdiri daripada professional yang turut sama terlibat dalam memberi pandangan dan input dari segi teknikal di dalam penyediaan Pelan Induk Landskap. Ahli – ahli Jawatankuasa Penyelaras Teknikal :

- Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara dan Yang Dipertua PBT sebagai Pengerusi bersama Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Teknikal
- Setiausaha (S/U) PBT
- 5 ahli majlis mesyuarat PBT yang dilantik
- Pengarah Landskap PBT (jika ada)
- Jabatan-jabatan Teknikal (berkaitan dengan kelulusan pembangunan landskap)
- Pengurus projek (perunding)
- Ahli –ahli yang difikirkan bersesuaian

Walaubagaimanapun, keperluan dan bilangan Jabatan Teknikal Daerah adalah bergantung kepada keperluan PBT dan PBN di kawasan kajian.



# 11.0 | Penutup

Manual kajian Pelan Induk Landskap ini disediakan untuk memberi panduan yang lengkap supaya pendekatan dan kandungan kajian Pelan Induk Landskap dapat diseragamkan melalui sistem rangka kerja yang menyeluruh. Ia juga dapat menentukan hala tuju kepada agensi kerajaan khususnya Jabatan Landskap Negara dan Pihak Berkuasa Tempatan di dalam menjalankan pengawasan perjalanan kajian.


Kandungan Manual ini menekankan aspek dokumentasi perancangan di dalam menggariskan rangka kerja yang menyeluruh bagi penyediaan Kajian Pelan Induk Landskap. Setiap pendekatan yang digunakan perlu memastikan pembangunan landskap diselaraskan dengan dasar dan polisi perancangan landskap tempatan dan daerah termasuk mempertimbangkan faktor asas yang mempengaruhi perancangan dan pembangunan landskap kawasan kajian. Selain itu, Manual Pelan Induk Landskap ini juga akan dapat membentuk asas ke arah pembentukan sistem maklumat perancangan melalui pelaksanaan Sistem Maklumat Geografi (GIS).

Oleh itu, Manual ini hendaklah digunapakai sepenuhnya di dalam penyediaan Pelan Induk Landskap agar kualiti perancangan landskap di setiap daerah dapat dipertingkatkan dan mencapai tahapnya selaras dengan visi Jabatan landskap Negara sendiri bagi memenuhi keperluan dan kesejahteraan rakyat ke arah Malaysia Negara Taman Terindah pada tahun 2020.



# 12.0 | Lampiran

Contoh Pelan Sintesis yang menggunakan kaedah Matriks Potential Analysis Surface (PSA)



Contoh 1



Nota :

Di Sediakan Untuk :

JABATAN LANDSKAP NEGARA  
MAJLIS PERBANDARAN TAWAU

Oleh :



EKM LANDSCAPE ARCHITECTS

Projek :



**KAJIAN PELAN INDUK  
LANDSKAP TAWAU**



Tajuk Pelan :

**ANALISIS POTENSI  
PERMUKAAN  
(Faktor Utama, P2)**

Fail Cad : Taw\_APP.mxd No. Plan : EKM51 TMP/1

SEPTEMBER 2005

Contoh 2



Nota :

Di Sediakan Untuk :



JABATAN LANDSKAP NEGARA  
MAJLIS PERBANDARAN TAWAU



Oleh :



EKM LANDSCAPE ARCHITECTS

Projek :



**KAJIAN PELAN INDUK  
LANDSKAP TAWAU**

Tajuk Pelan :

**ANALISIS POTENSI  
PERMUKAAN  
( Faktor Utama, P3 )**

Fail Cad : Twu\_APP.mcd

No. Plan : EKM51/TMP/1

SEPTEMBER 2005


Contoh 3






## 9.0 POLISI DAN GARIS PANDUAN LANDSKAP

Perancangan reka bentuk landskap yang sempurna dan berkesan membantu mengubah imej sesebuah bandaraya atau negeri. Pembangunan landskap yang berkesan amat diperlukan bagi mewujudkan sebuah negara dalam taman yang mempunyai reka bentuk landskap yang menarik dan sempurna. Langkah membentuk garis panduan landskap adalah sangat amat perlu sebagai satu sumber rujukan dan garis panduan bagi setiap pembangunan landskap di dalam kawasan MPJBT. Garis panduan pembangunan landskap ini mengandungi maklumat-maklumat teknikal yang telah digariskan untuk memenuhi dan menepati objektif dan matlamat MPJBT dalam merealisasikan hasrat pembentukan sebuah 'Bandar Teknologi Dalam Taman'.

### 9.1 Pintu Masuk Utama

Aspek: <b>Pintu Masuk Utama</b>	
GARIS PANDUAN	CADANGAN / LAKARAN PERANCANGAN
a) Mewajibkan penyediaan pintu gerbang di setiap pintu masuk utama.	a&b) 
b) Menyeragamkan rekabentuk pintu gerbang sedalada yang terdapat di Jalan Skudal-Pontian untuk kesemua pintu masuk utama.	- Penyediaan pintu gerbang di setiap pintu masuk.
c) Penggunaan rekabentuk landskap lembut yang seragam iaitu pokok palma dan pokok renek. Pokok teduhan dan pinggiran jalan hendaklah mula di tanam selepas 50m dari pintu gerbang.	c,d&e)   
d) Pemilihan pokok-pokok renek haruslah dari jenis yang berbunga dan mudah selenggara seperti Lantana spets, Caesalpinia pulcherrima dan Barleria cristata.	 
e) Mewajibkan penanaman pokok rasmi majlis dan hibiscus rosa chinensis.	- Pilihan dan jenis tanaman untuk kawasan pintu masuk.
f) Menyediakan lampu hiasan seperti up light untuk pokok-pokok yang terdapat di kawasan pintu masuk.	
g) Penggunaan rekabentuk elemen landskap kejur seperti pasu dan elemen air yang sesuai dengan konsep pintu gerbang.	

## 9.2 Jalan Protokol/Utama Dan Sekunder

Aspek: <b>Jalan Protokol/Utama Dan Jalan Sekunder</b>	
GARIS PANDUAN	CADANGAN / LAKARAN PERANCANGAN
a) Pokok-pokok rasmi Majlis perlu di tanam di sepanjang jalan protokol/utama. Jumlah kuantiti yang patut di tanam adalah 10% dari jumlah kuantiti keseluruhan.	a)   Pokok rasmi – Tanjung Di tanam sepanjang jalan Protokol.
b) Membina bollard di kawasan yang di fikirkan sesuai untuk keselamatan pengguna pejalan kaki.	b)  Penghadang jalan (Bollard)
c) Membina penghadang jalan yang mempunyai rekabentuk karektor selengkap bagi jalan-jalan protokol yang terletak di dalam kawasan perbandaran untuk keselamatan pengguna.	
d) Bagi jalan lama yang tiada ruang penanaman pembinaan kotak penanaman diperlukan dengan minima saiz 1m x 1m x 0.5m.	
e) Jalan protokol/utama mempunyai median jalan selebar 1m-2m yang di tanam dengan pokok-pokok renek dan di lengkapi dengan lampu jalan yang bermotif lada hitam dan gambar seperti sedalada.	d)  Penyediaan planterbox bagi kawasan yang mempunyai ruang penanaman yang terhad.
f) Lampu jalan yang bermotif lada hitam dan gambar sedalada hendak diseragamkan untuk kesemua jalan protokol/utama dan lampu hiasan jalan hanya di bahu jalan sahaja bagi jalan sekunder.	
g) Kedua-dua bahagian jalan protokol/utama perlu mempunyai rizab landskap selebar 1m-1.5m untuk memisahkan jalan dengan laluan pejalan kaki.	e)  1m-2m (median jalan)
h) Rizab landskap di kedua-dua bahagian bahu jalan protokol/utama hendaklah di tanam dengan pokok-pokok renek yang tahan lasak atau rumput agar kelihatan menarik.	
i) Kedua-dua bahagian jalan protokol perlu mempunyai laluan pejalan kaki di kedua-dua bahagian bahu jalan selebar 2m.	
j) Bagi kawasan yang agak sempit laluan pejalan kaki boleh dibina di atas parit atau longkang yang terbuka dengan mengambil kira kerja-kerja penyelenggaraan.	- Jalan protokol perlu mempunyai 2m laluan pejalan kaki - Jalan sekunder perlu mempunyai 1m – 1.5m laluan pejalan kaki




### 9.3 Kawasan Lapang Dan Rekreasi

Aspek : Kawasan Lapang Dan Rekreasi	
GARIS PANDUAN	CADANGAN / LAKARAN PERANCANGAN
<p>k) Perancangan dan penyediaan kawasan lapang dan rekreasi di kawasan MPJBT perlu meliputi sekurang-kurangnya 10% daripada keseluruhan kawasan pembangunan untuk perumahan, tidak termasuk rizab jalan dan zon penampian.</p> <p>l) Kawasan lapang yang disediakan hendaklah mudah untuk dikunjungi, dari segi laluan dan kemudahsampalannya.</p> <p>m) Mewajibkan setiap pembangunan baru mengikut kelulusan piawai hetrak kawasan rekreasi yang telah di tetapkan oleh Jabatan Landskap Negara.</p> <p>n) Keperluan dan kemudahan yang disediakan hendaklah mengikut syarat-syarat kelulusan pelan landskap MPJBT.</p> <p>o) Setiap kawasan rekreasi mesti mempunyai 3 zon utama iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Kawasan untuk gelanggang permainan atau padang permainan.</li> <li>ii) Kawasan permainan kanak-kanak.</li> <li>iii) Kawasan lapang untuk aktiviti bebas.</li> </ul> <p>p) Menyediakan signage untuk setiap kawasan rekreasi.</p> <p>q) Penggunaan landskap kejur yang tahan lasak dan lama.</p> <p>r) Mempunyai lampu taman ketinggian pole light minima 3m.</p> <p>s) Penggunaan pasir untuk kawasan permainan tidak di benarkan.</p> <p>t) Penggunaan pokok berduiri tidak dibenarkan di kawasan lapang.</p> <p>u) Penanaman pokok secara rimbun tidak digalakkan bagi mengelak jenayah.</p>	<p>a)  Zon penampian sebagai kawasan lapang antara kawasan perumahan dan kawasan komersial yang berhampiran.</p> <p>e)  - 3 zon utama i) kawasan gelanggang ii) kawasan permainan kanak-kanak iii) kawasan lapang.</p> <p>f,g&amp;h)  - Penyediaan landskap kejur yang tahan lama dan lampu taman. - Selain papan tanda kawasan rekreasi, papan tanda petunjuk arah juga perlu di kawasan rekreasi.</p>


Aspek : Kawasan Lapang Dan Rekreasi	
GARIS PANDUAN	CADANGAN / LAKARAN PERANCANGAN
<p>a) Landskap lembut perlu terdiri daripada 65% pokok besar dan palma, manakala 35% terdiri daripada pokok renek dan penutup bumi.</p> <p>b) Penyediaan kemudahan kawasan letak kereta, tandas, kios dan surau bagi kawasan rekreasi Taman Tempatan, Taman Wilayah dan Taman Bandar. Kawasan medan selera hanya di bina jika diperlukan.</p> <p>c) Perlu mengikut syarat-syarat kelulusan plan untuk landskap lembut dan kejur. Penggunaan subsoil drains di syaratkan untuk kawasan berumput mengikut kesesuaian.</p> <p>d) Pokok-pokok rasmi Majlis perlu ditanam 10% dari jumlah kuantiti keseluruhan tanaman yang terdapat di kawasan lapang dan rekreasi.</p> <p>e) Kawasan pembangunan akan datang yang telah di luluskan perlu dibersihkan dan di tanam dengan rumput (spot turfing). Begala kerja-kerja penyelenggaraan haruslah ditanggung oleh pihak pemaju.</p> <p>f) Untuk setiap kawasan rekreasi perlu ditanam dengan rumput secara close turfing.</p> <p>g) Pemotongan cerun-cerun yang terdapat di dalam kawasan rekreasi perlu rata dan mempunyai tembok penahan jika perlu.</p> <p>h) Kolam tadahan merupakan sebahagian daripada kawasan lapang dan perlu mempunyai pagar keliling setinggi 1.2m serta papan tanda diperlukan bagi kedalaman setiap kolam yang melebihi 1.5m.</p> <p>i) Kawasan lapang yang mempunyai longkang yang melebihi 1.5m hendaklah bertutup dan mempunyai pagar keselamatan yang bersesuaian.</p> <p>j) Bagi kawasan lapang yang berada dalam komuniti berpagar (gated houses), kawasan lapang tidak perlu diserahkan milik kepada pihak majlis dan perlu pemantauan sepenuhnya oleh pihak pemaju.</p>	<p>i)  Penggunaan rubber mat bagi kawasan permainan kanak-kanak untuk tujuan keselamatan.</p> <p>k)  - Penanaman pokok yang kurang rimbun.</p> <p>r)  Pemotongan cerun yang landai dan penyediaan terrace untuk kegunaan tepat duduk dan sebagainya.</p> <p>s)  - Kolam tadahan sebagai kawasan rekreasi. Tembok penahan</p>

Contoh 2

## 9.4 Perbandaran Dan Komersial

Aspek : Kawasan Perbandaran dan Komersial	
GARIS PANDUAN	CADANGAN / LAKARAN PERANCANGAN
a) Menyediakan dan meningkatkan landskap bagi mewujudkan satu kawasan hijau dan dibangunkan sebagai sebuah 'taman bandar' di dalam lingkungan kawasan perbandaran iaitu Pusat Bandar Skudai, Ulu Tiram dan Masai.	d, e & g) 
b) Menyediakan dan meningkatkan akses jalinan perhubungan jalan raya dan laluan pejalan kaki yang menghubungkan dengan pusat tumpuan penduduk.	
c) Menyediakan dan meningkatkan medan atau dataran di dalam kawasan Pusat Bandar yang berfungsi sebagai satu kawasan tumpuan dan tempat pertemuan bagi penghuni bandar.	
d) Minimum lebar bagi laluan pejalan kaki di hadapan bangunan kedai adalah 1m. (rujuk garis panduan laluan pejalan kaki)	
e) Bagi pembangunan baru yang menghadap jalan protokol dan jalan utama perlu menyediakan rizab landskap di hadapan bangunan selebar 5m termasuk laluan pejalan kaki.	
f) Parit dan longkang yang terbuka di dalam kawasan pusat bandar perlu ditutup atau diubah kegunaannya kepada laluan pejalan kaki atau kotak penanaman.	
g) Membina screening dengan penggunaan pokok-pokok untuk melindungi pemandangan kawasan terblar dan tiak menarik.	
h) Menyeragamkan rekabentuk papan tanda dan perhentian bas yang terdapat di dalam kawasan pentadbiran.	h) Papan tanda dan hentian bas bagi kawasan pentadbiran lebih berkarakter. 
i) Mewajibkan setiap elemen landskap kejur mempunyai logo majlis.	

## Aspek : Kawasan Perbandaran dan Komersial

GARIS PANDUAN	CADANGAN / LAKARAN PERANCANGAN
u) Sistem papan tanda <ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan, menyelaraskan dan menyeragamkan sistem papan tanda di kawasan perbandaran untuk membentuk imej yang lebih kemas dan teratur mengikut kategori-kategori berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>Papan tanda arah (penunjuk jalan)</li> <li>Papan tanda maklumat dan informasi (papan tanda iklan, nama kedai (pejabat dan informasi umum)</li> <li>Papan tanda pengenalan</li> </ol> </li> <li>Orientasi papan tanda serta sistem penomoran perlu mudah dilihat dan dikenalpasti.</li> <li>Papan tanda nama kedai hendaklah bersesuaian dengan skala dan seimbang dengan ketinggian bangunan.</li> <li>Saiz papan tanda nama kedai hendaklah meliputi 10% daripada permukaan fasad bangunan tersebut sama ada diletakkan secara melintang atau menegak.</li> <li>Papan tanda pengenalan perlu disediakan berhampiran kawasan pintu masuk sesebuah kawasan.</li> <li>Maklumat yang disediakan hendaklah jelas.</li> </ul>	  <p>Sistem papan tanda kedai</p> 
v) Sistem penanaman <ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan dan meningkatkan penanaman pokok-pokok yang bersesuaian serta dapat memberi teduhan kepada kawasan sekeliling.</li> <li>Pemilihan pokok-pokok perlu dari jenis yang selamat, rendah, kurang berdaun gugur dan bukan dari jenis berdaun rapuh serta memerlukan kurang penyelenggaraan.</li> <li>Penggunaan pokok-pokok yang berbunga dan berbau harum adalah digalakkan untuk menambahkan keceriaan dan kesejukan di sesuatu tempat.</li> </ul>	 <p>Pemilihan tanaman tidak menutupi permukaan papan tanda dan fasad bangunan. Pokok renek untuk dalam pasu untuk tanaman hiasan.</p>

Contoh 3

## Penghargaan

### Jawatankuasa Teknikal

Tuan Haji Esa Bin Ahmad  
Timbalan Ketua Pengarah  
Cawangan Dasar & Pengurusan Landskap

#### Ahli-Ahli :

Jabatan Landskap Negara  
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya  
Majlis Perbandaran Pulau Pinang  
Malik, Lip & Associates Sdn. Bhd. Kuala Lumpur  
Rafar Planning & Landscape Consultant Sdn. Bhd. Kuala Lumpur  
BL Conculfant Team, Kuching  
EKM Landscape Architects, Kota Kinabalu

### Jawatankuasa Pengubalan

#### Ketua Editorial

Pn. Hajah Rotina Bt. Mohd Daik  
Pengarah  
Bahagian Dasar & Pengurusan Korporat

#### Ahli Jawantankuasa:

En. Che Rasid Bin Che Seman  
En. Muhammad Anwar Bin Ramli  
Pn. Juwita Bt. Zulkifli  
Pn. Mahaya Bt. Mansor  
En. Mohd Nasir Bin Mohamed  
En. Muhammad Safeer Bin Rosli  
Pn. Intan Syafinaz Bt. Lazim  
Wan Fadilah Bt. Wan Itam

### Editor



**Rotina Mohd Daik**

Menjabat jawatan Pengarah Bahagian Dasar & Pengurusan Korporat Jabatan Landskap Negara. Memulakan karier sebagai Pegawai Perancang Bandar dan Arkitek Landskap di Jabatan Landskap Negara. Bertanggungjawab dalam merangka Program Pembangunan Landskap semasa penubuhan Jabatan Landskap Negara pada tahun 1996. Terlibat dalam penyediaan pelan induk landskap di seluruh negara semenjak program tersebut dimulakan pada tahun 1997. Ahli korporat Institut Arkitek Landskap Malaysia dan ahli korporat Pertubuhan Perancang Malaysia serta Ahli Lembaga Perancang Bandar Malaysia.



ISBN 978-983-40512-1-1



9 789834 051211